

PROSES KOMPOST KULIT LUMUT  
SENIBIOLOGI PEMERAKARAN DAN PENGARUHNYA  
KEDALAM SERTIFIKASI UKTQ MINGGU 2011

SIA HOOC CHIN

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2012

Ch: 7504

1100076448

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)  
Universiti Malaysia Terengganu

LP 31 FST 2 2009



1100076448

Analisis vektor autoregresi (VAR) terhadap pembolehubah-pembolehubah makroekonomi, kadar pertukaran mata wang dan indeks komposit Kuala Lumpur / Sia Hooi Chin.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZANNAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

**1100076448**

Lihat Sabah

HAK MILK

PERPUSTAKAAN SULTAHAN NUR ZAHIRAH UMT

**ANALISIS VEKTOR AUTOREGRESI (VAR) TERHADAP PEMBOLEHUBAH-  
PEMBOLEHUBAH MAKROEKONOMI, KADAR PERTUKARAN MATA WANG  
DAN INDEKS KOMPOSIT KUALA LUMPUR**

Oleh  
Sia Hooi Chin

Projek Ilmiah Tahun Akhir ini diserahkan untuk memenuhi  
sebahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)

JABATAN MATEMATIK  
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
2009



**JABATAN MATEMATIK  
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT 4499B**

Adalah ini diakui dan disahkan bahawa laporan penyelidikan bertajuk **Analisi Vektor Autoregresi (VAR) Terhadap Pembolehubah-Pembolehubah Makroekonomi, Kadar Pertukaran Mata Wang Dan Indeks Komposit Kuala Lumpur** oleh **Sia Hooi Chin**, No. Matrik: UK 12991 telah diperiksa dan semua pembetulan yang disarankan telah dilakukan. Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Matematik sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik Kewangan, Fakulti Sains dan Teknologi, UMT.

Disahkan oleh:

.....  
Penyelia Utama

Nama:

Cop Rasmi:

Tarikh: .....

.....  
  
Ketua Jabatan Matematik

Nama:

Cop Rasmi:

Tarikh: ..... 5/5/09 .....

DR. HJ. MUSTAFA BIN MAMAT  
Ketua  
Jabatan Matematik  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Terengganu

## **PENGAKUAN**

Saya mengakui Projek Ilmiah Tahun Akhir yang bertajuk **Analisi Vektor Autoregresi (VAR) Terhadap Pembolehubah-Pembolehubah Makroekonomi, Kadar Pertukaran Mata Wang Dan Indeks Komposit Kuala Lumpur** adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : .....



Nama : Sia Hooi Chin  
No. Matriks : UK 12991  
Tarikh : 5 Mei 2009

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek ilmiah tahun akhir ini, Dr. Sabri bin Ahmad atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini. Kesabaran beliau yang tak terhingga dan dorongan beliau dalam proses menyelesaikan projek ilmiah ini amat saya hargai. Beliau banyak meluangkan masa untuk menyemak projek saya serta membuat suntingan yang sesuai. Beliau juga sering memantau perkembangan kajian saya untuk memastikan saya dapat melengkapkan kajian dalam masa yang ditetapkan.

Selain itu, turut tidak lupa saya ingin mengucap terima kasih kepada ibu bapa serta ahli keluarga saya ke atas dorongan dan sokongan moral sepanjang menyelesaikan kajian ilmiah ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Matematik yang lain telah banyak memberikan galakan dan juga maklumat yang berguna kepada saya dalam proses menyempurnakan kajian ini. Terima kasih, juga saya ucapkan sekali lagi kepada semua rakan-rakan pelajar tahun akhir Matematik Kewangan yang telah menghulurkan bantuan kepada saya dalam menyempurnakan projek ini.

Akhir sekali, penghargaan juga ditunjukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung yang membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

Sia Hooi Chin  
UK 12991

**ANALISIS VEKTOR AUTOREGRESI (VAR)  
TERHADAP PEMBOLEHUBAH-PEMBOLEHUBAH  
MAKROEKONOMI, KADAR PERTUKARAN MATA WANG  
DAN INDEKS KOMPOSIT KUALA LUMPUR.**

**ABSTRAK**

Kertas kajian ini mengaplikasikan model vektor autoregresi (VAR) untuk mengkaji hubungan dinamik antara pembolehubah-pembolehubah makroekonomi, kadar pertukaran mata wang dan indeks komposit Kuala Lumpur. Antara ujian yang dijalankan ialah ujian *Augmented Dickey Fuller*, ujian kointegrasi *Johansen*, ujian sebab-menyebab *Granger* dan ujian pengurain varians *Cholesky*. Hasil keputusan menunjukkan sampel data mencapai kepegunaan selepas pembezaan pertama dengan memenuhi nilai kritikal 5% yang berdasarkan ujian *Augmented Dickey Fuller*. Bagi ujian kointegrasi Johansen pula, keputusan menunjukkan wujud hubungan kointegrasi antara pembolehubah. Ujian sebab-menyebab *Granger* menunjukkan terdapat pembolehubah yang tertentu mempengaruhi pembolehubah yang lain. Peramalan bagi tahun 2009 pula menunjukkan nilai kadar pertukaran mata wang, indeks harga pengguna dan indeks pengeluaran perindustrian akan menurun bagi akhir tahun 2009. Kesimpulannya, ekonomi Malaysia dijangka mengalami penurunan selama tiga tahun bermula pada tahun 2009 dan mengambil dua tahun untuk kembali pulih.

# **VECTOR AUTOREGRESSION (VAR) ANALYSIS OF MACROECONOMIC VARIABLES, EXCHANGE RATE AND KUALA LUMPUR COMPOSITE INDEX**

## **ABSTRACT**

The paper applies the model vector autoregression (VAR) to examine the dynamic relationship between the macroeconomic variables, exchange rate and the share prices. That are a few tests that we carry out which are Augmented Dickey Fuller test, Johansen cointegration test Granger causality test and Cholesky decomposition test. The result shows that, the sample data achieve stationary after the first derivative and it is significant at 95% based on Augmented Dickey Fuller test. Moreover, the result show there exist cointegrations relationship between the variables by Johansen cointegration test. For Granger causality test, certain variables give the long term impact to other variables. Lastly, the forecast result shows that the exchange rate, consumer price index and industrial production index is expected to be decrease at the end year of 2009. As a conclusion, economies Malaysia is expected to be decrease start from the year 2009 and will take around two year to recover.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
<b>PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT 4499B</b>	ii
<b>PENGAKAUN</b>	iii
<b>PENHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI SINKATAN</b>	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Vektor Autoregresi(VAR)	2
1.3 Skop Analisis VAR	
1.3.1 Ujian <i>Unit Root</i>	3
1.3.2 Ujian Kointegrasi	3
1.3.3 Ujian Sebab-Menyebab <i>Granger</i>	4
1.3.4 Penguraian Varians dan Fungsi Tindak Balas	5
1.4 Pernyataan Masalah	5
1.5 Definisi Pembolehubah-Pembolehubah Kajian	6
1.6 Objektif Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	8
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Kajian VAR Melibatkan Indeks Pengeluran Perindustrian	9
2.2 Kajian VAR Melibatkan Agegravat Kewangan	10
2.3 Kajian VAR Melibatkan Indeks Harga Pengguna	11
2.4 Kajian VAR Melibatkan Kadar Pertukaran Wang	12
2.5 Kajian VAR Melibatkan Indeks Komposit Negara Asing	12
2.6 Kajian VAR Melibatkan Faktor Kewangan	14
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	
3.1 Vektor Autoregresi	15
3.2 Alkaike Information Criteria (AIC)	16
3.3 Ujian <i>Augmented Dickey Fuller</i> (ADF)	17
3.4 Ujian Kointegrasi <i>Johansen</i>	18
3.5 Ujian Sebab-Menyebab <i>Granger</i>	19
3.6 Penguraian Varians <i>Cholesky</i>	22
3.7 <i>Root Mean Squared Error</i> (RMSE)	23

3.8	<i>Mean Absolute Percentage Error (MAPE)</i>	23
<b>BAB 4</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	24
4.2	Keputusan AIC	25
4.3	Keputusan Ujian ADF	25
4.4	Keputusan Ujian Kointegrasi <i>Johansen</i>	26
4.5	Keputusan Ujian Sebab-Menyebab <i>Granger</i>	27
4.6	Keputusan Penguraian Varians <i>Cholesky</i>	28
4.7	Peramalan bagi Tahun 2009	31
4.8	Peramalan bagi Tahun 2009 hingga 2018	34
4.9	Keputusan RMSE	37
4.10	Keputusan MAPE	37
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pendahuluan	39
5.2	Kesimpulan	39
5.3	Cadangan	40
<b>RUJUKAN</b>		42
<b>LAMPIRAN</b>		
<b>BIODATA PENULIS</b>		

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Halaman</b>
4.1.1 Senarai pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.	24
4.2.1 Keputusan AIC	25
4.3.1 Keputusan ujian ADF bagi data tanpa pembezaan.	26
4.3.2 Keputusan ujian ADF bagi data dengan pembezaan pertama.	26
4.4.1 Keputusan ujian kointegrasi <i>Johansan</i> .	27
4.5.1 Keputusan ujian sebab-menyebeb <i>Granger</i> .	28
4.6.1 Keputusan penguraian <i>Cholesky</i> bagi KPMW	29
4.6.2 Keputusan penguraian <i>Cholesky</i> bagi SWN	29
4.6.3 Keputusan penguraian <i>Cholesky</i> bagi IHP	30
4.6.4 Keputusan penguraian <i>Cholesky</i> bagi IPP	30
4.6.5 Keputusan penguraian <i>Cholesky</i> bagi IKKL	31
4.7.1 Keputusan Peramalan bagi Tahun 2009	32
4.7.2 Perbandingan antara nilai ramalan dan nilai sebenar	33
4.9.1 Keputusan RMSE	37
4.10.1 Keputusan MAPE	38

## **SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>	<b>Halaman</b>
4.8.1 Peramalan KPMW bagi tahun 2009-2018	35
4.8.2 Peramalan SWN bagi tahun 2009-2018	35
4.8.3 Peramalan IHP bagi tahun 2009-2018	36
4.8.4 Peramalan IPP bagi tahun 2009-2018	36
4.8.5 Peramalan IKKL bagi tahun 2009-2018	37

## **SENARAI SINGKATAN**

### **Singkatan**

ADF	<i>Augmented Dickey Fuller test</i>
AIC	<i>Alkaike Information Criteria</i>
IHP	Indeks harga pengguna
IKKL	Indeks komposit Kuala Lumpur
IPP	Indeks pengeluaran perindustrian
KPMW	Kadar pertukaran mata wang
MAPE	<i>Mean Absolute Percentage Error</i>
RMSE	<i>Root Squared Mean Error</i>
SWN	Simpanan wang negara
OLS	<i>Ordinary Least Squares</i>

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>Lampiran</b>		<b>Halaman</b>
A	Data	45
B	Keputusan Stata bagi Kriteria Pemilihan Peringkat	48
C	Keputuan Stata bagi ujian ADF	49
D	Keputusan Stata bagi ujian kointegrasi <i>Johansen</i>	52
E	Keputusan Stata bagi ujian sebab-menyebab <i>Granger</i>	53
F	Keputusan bagi penguraian varians <i>Cholesky</i>	54
G	Graf ramalan bagi tahun 2009	56

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Ekonomi merupakan satu cabang sains sosial yang mengkaji pembahagian sumber yang terhad untuk memenuhi kehendak manusia. Ini termasuklah kajian tentang pengeluaran, pengedaran, perkhidmatan dan penggunaan barang. Menurut laman web ensiklopedia *wikipedia*<sup>1</sup>, ia sebenarnya dibahagikan kepada dua cabang iaitu mikroekonomi dan makroekonomi. Mikroekonomi merupakan bidang ekonomi yang melibatkan keputusan ekonomi bagi individu atau syarikat yang spesifik. Manakala makroekonomi pula memperlihatkan ekonomi secara keseluruhan termasuk inflasi, penggangguran, pengeluaran industri, dan pelaksanaan polisi kewangan.

Pakar-pakar ekonomi kewangan, perangka polisi ekonomi negara dan pelabur-pelabur saham cuba memahami serta mengkaji hubungan dinamik antara pembolehubah-pembolehubah makroekonomi, kadar pertukaran wang dan harga saham. Walaubagaimana pun, sehingga kini kesan hunbungan antara faktor-faktor ekonomi tidak dapat ditentukan dengan tepat. Ini disebabkan perkembangan ekonomi adalah dinamik dan berubah mengikut perkembangan semasa. Kajian-kajian yang dibuat oleh ahli akademik sebelum ini menunjukkan terdapat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah makroekonomi dengan perkembangan pasaran

---

<sup>1</sup> <http://www.wikipedia.gov/>

kewangan. Misalan, Mukherjee & Naka (1995) telah membincangkan kesan pembolehubah-pembolehubah makroenomi dan faktor terdiskaun terhadap pengaliran wang sesebuah firma. Kajian mereka menggunakan model VAR dan model penilaian saham, didapati harga saham mewakili nilai kini yang terdiskaun bagi pengaliran wang sesebuah firma pada masa hadapan. Perubahan harga saham juga mempengaruhi variasi yang berlaku dalam aktiviti-aktiviti ekonomi.

Kebelakangan ini, model VAR banyak diaplikasikan secara meluas dalam bidang makroekonomi dan digunakan utama oleh pusat bank untuk menjalankan peramalan. Sebagai contoh, peramalan banyak dilakukan terhadap perubahan harga saham yang dipengaruhi oleh permintaan mata wang, kadar faedah, dan nilai mata wang (Solnik, 1984; Ajayi, et al., 1998). Perkembangan globalisasi yang tanpa sempadan telah menyebabkan faktor-faktor ekonomi menjadi tidak stabil dan lebih dinamik. Dengan ini, adalah amat penting untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah-pembolehubah ekonomi dengan menggunakan ujian –ujian percubaan VAR bagi tempoh tahun 1998 hingga tahun 2008.

## 1.2 Vektor Autoregresi (VAR)

Menurut laman web ensiklopedia *Wikipedia*, vektor autoregresi (VAR) diperkenalkan oleh *Christopher Sims* pada tahun 1984. Ia merupakan satu model ekonometrik yang mengkaji sifat evolusi dan sifat saling bergantung antara siri masa berganda. Mengikut teori VAR, semua pembolehubah-pembolehubah dalam VAR adalah bersifat simetri. Di samping itu, setiap pembolehubah dalam model VAR mempunyai persamaan yang tersendiri dengan bilangan lat (*lags*) yang sama. Satu model VAR memgambarkan evolusi bagi satu set  $k$  pembolehubah yang dipanggil pembolehubah endogen (*endogenous*) bagi satu tempoh masa iaitu  $t=1,\dots,T$ . Pembolehubah yang hendak diuji dikumpulkan dalam bentuk  $k \times 1$  vektor yang dipanggil  $y_t$ . Manakala vektor  $y_{i,t}$  memberi maksud bahawa vektor tersebut mempunyai  $i$  bilangan unsur yang dikaji pada tempoh masa  $t$ . Misalan, jika  $y_{i,t}$  adalah Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK), maka  $y_{i,t}$  adalah nilai KDNK pada

masa  $t$ . Kebiasaanya data siri masa yang dikumpul adalah tidak bersifat pegun dan untuk melakukan analisis ke atas data tersebut haruslah melakukan beberapa kali pembezaan sehingga ia menjadi pegun iaitu nilai bagi min, varian dan kovariannya adalah sama. Ini juga adalah sama bagi model VAR. Model VAR yang dibezakan sehingga  $p$  kali untuk menjadikannya pegun dilambangkan sebagai  $\text{VAR}(p)$ .  $\text{VAR}(p)$  juga disebut sebagai VAR peringkat  $p$  ataupun VAR dengan lat  $p$  (lags  $p$ ).

### 1.3 Skop Analisis VAR

Pada dasarnya, analisis VAR meliputi tiga skop ujian am iaitu ujian *unit root*, ujian kointegrasi dan ujian sebab-menyebab *Granger* seperti yang dibincangkan oleh Yonathan (2003).

#### 1.3.1 Ujian *Unit Root*

Sebelum analisis hubungan sebab-menyebab antara pembolehubah-pembolehubah makro ekonomi, kadar pertukaran wang dan harga saham dapat dilakukan, kepegunaan setiap pembolehubah perlu ditentukan untuk mengelakkan masalah regresi palsu (*spurious regression*). Kepegunaan setiap pembolehubah ditentukan dengan menggunakan ujian *Augmented Dickey Fuller* (ADF) yang diperkenalkan oleh Said dan *Dickey* (1979). Tempoh lat yang optimum bagi ujian ADF ditentukan dengan menggunakan *Alkaike Information Criteria* (AIC). Mengikut kaedah ini, tempoh lat yang menghasilkan nilai AIC yang paling kecil dianggap sebagai nilai lat yang optimum. Ujian ini sebenarnya merupakan ujian pelengkap bagi analisis VAR. Apabila data yang dikaji sudah menjadi pegun, maka akan meningkatkan ketepatan analisis VAR.

#### 1.3.2 Ujian Kointegrasi

Ujian kointegrasi Johansen yang diperkenalkan oleh Johansen dan Juselius (1990) boleh dilakukan terhadap data untuk melihat kewujudan hubungan jangka

panjang antara pembolehubah-pembolehubah. Gonzalo (1994) berpendapat bahawa kaedah Johansen ini adalah kaedah yang terbaik berbanding dengan kaedah-kaedah lain. Keputusan yang diperolehi daripada kaedah Johansen ini mengambil kira sifat-sifat penting siri masa bagi data-data yang terlibat. Kaedah ini juga memberikan penganggaran untuk semua vektor kointegrasi yang wujud dalam sesuatu sistem siri masa dan statistik ujian yang sesuai.

Di samping itu, kaedah Johansen juga membolehkan satu ujian hipotesis dapat dilakukan ke atas koefisien dalam vektor kointegrasi. Kaedah ini adalah berdasarkan penganggaran kebolehjadian maksimum (*maximum likelihood estimation*) dan menguji vektor kointegrasi yang wujud di kalangan siri masa. Ujian kointegrasi ini adalah berdasarkan kepada dua nilai statistik ujian iaitu statistik ujian trace ( $\lambda_{trace}$ ) dan statistik ujian max ( $\lambda_{max}$ ). Nilai statistik ujian ini kemudiannya akan dibandingkan dengan nilai kritikal yang diperolehi daripada Osterwald-Lenum (1992). Sekiranya nilai statistik ujian lebih besar daripada nilai kritikal ini pada aras keertian tertentu, maka wujud kointegrasi di kalangan pembolehubah yang terdapat dalam sistem.

### 1.3.3 Ujian Sebab-Menyebab *Granger*

Menurut *Granger* (1969), sesuatu pembolehubah  $Y$  dikatakan sebagai penyebab *Granger* kepada pembolehubah  $X$ , jika maklumat-maklumat lepas pembolehubah  $Y$  adalah signifikan dalam membuat peramalan ke atas nilai  $X$ . Sekiranya kedua-dua pembolehubah  $X$  dan  $Y$  adalah  $CI(1,1)$ , iaitu berkointegrasi pada darjah integrasi sama dengan satu, maka sebutan pembetulan ralat tertangguh perlu dimasukkan ke dalam model sebelum ujian sebab-menyebab *Granger* boleh dilakukan. Engle dan Granger (1987) dan Toda dan Phillips (1993) berpendapat, kegagalan mengambil kira sebutan pembetulan ralat ini akan menyebabkan ujian yang dilakukan menghasilkan kesalahan spesifikasi model (*model misspecification*). Oleh yang demikian, ujian sebab-menyebab Granger perlulah dianggar dalam versi model vektor pembetulan ralat (VECM).

### 1.3.4 Penguraian varians dan fungsi tindak balas

Penguraian varians merupakan ujian terhadap pembolehubah inovasi (*innovation variable*). Pembolehubah inovasi ialah pembolehubah yang berinovasi atau berubah mengikut masa yang disebabkan oleh faktor gangguan (*shock*) ekonomi. Faktor gangguan boleh disebabkan oleh isu-isu politik, krisis kewangan, harga minyak pasaran dan lain-lain. Oleh itu, ujian ini bertujuan untuk menguji struktur dinamik sistem pembolehubah inovasi yang terdapat dalam model yang dikaji. Salah satu contoh penguraian varian ialah penguraian varians *Cholesky* (*the Cholesky decomposition*).

Penguraian varians *Cholesky* atau biasanya disebut sebagai *The Variance Decomposition* memberikan informasi mengenai pembolehubah inovasi relatif yang lebih penting dalam VAR. Pada dasarnya, ujian ini merupakan kaedah alternatif untuk mengambarkan sistem dinamik yang terdapat dalam VAR. Ujian ini digunakan untuk menyusun pengiraan ralat variasi (error variance) sesuatu pembolehubah, iaitu mengkaji seberapa besar perbezaan antara variasi sebelum dan sesudah gangguan, baik gangguan yang berasal dari diri sendiri maupun gangguan yang berasal dari pembolehubah lain.

Manakala fungsi tindak balas (*the impulse response*) bertujuan melihat kesan gangguan sesuatu sisihan piawai dari pembolehubah inovasi terhadap nilai semasa (*current time value*) dan nilai yang akan datang (*future value*). Nilai yang akan datang terdiri daripada pembolehubah-pembolehubah endogen iaitu pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam model yang dikaji.

### 1.4 Pernyataan Masalah

Dunia sekarang sedang mengalami kegawatan ekonomi global akibat krisis kredit Amerika Syarikat. Kegawatan ekonomi ini telah membawa kesan terhadap ekonomi negara yang lain termasuk Malaysia. Prestasi ekonomi dunia keseluruhannya

dijangka akan berlaku peningkatan kadar inflasi di merata dunia. Ini juga disebabkan oleh faktor cuaca buruk yang berlaku dua tahun lalu yang menjelaskan hasil tanaman dunia dan faktor minyak simpanan yang semakin berkurangan. Krisis Kewangan Amerika Syarikat boleh dikatakan semakin meruncing sehingga menjelaskan ekonomi dunia. Memandangkan negara jiran seperti Singapura kini mengalami impak daripada kegawatan ekonomi global, adakah negara kita dapat mengharungi cabaran ekonomi ini? Maka perlulah dilakukan analisis dan peramalan untuk mengenalpasti risiko impak yang akan dirasai pada masa hadapan, iaitu ekoran dari krisis tersebut.

## **1.5 Definisi Pembolehubah-Pembolehubah Kajian**

Keseluruhan terdapat lima pembolehubah-pembolehubah yang hendak dianalisis iaitu indeks pengeluaran perindustrian, indeks harga pengguna, indeks komposit Kuala Lumpur, kadar pertukaran mata wang dan simpanan wang negara. Menurut Jabatan Perangkaan dan laman web ensiklopedia *Wikipedia*, definisi bagi pembolehubah-pembolehubah yang ingin dikaji adalah seperti berikut:

### **(a) Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)**

Indeks Pengeluaran Perindustrian ialah satu ukuran kadar perubahan sebenar pengeluaran komoditi perindustrian (sektor perlombongan, pembuatan dan elektrik) bagi satu tempoh masa.

### **(b) Indeks Harga Pengguna (IHP)**

Indeks Harga Pengguna ialah satu ukuran kadar perubahan purata bagi harga sekumpulan barang dan perkhidmatan yang ditetapkan, yang mewakili corak perbelanjaan kesemua isi rumah dalam negara.

**(c) Simpanan Wang Negara (SWN)**

Simpanan wang negara diwakili oleh agregat kewangan iaitu satu pengukuran persediaan wang bagi sesebuah negara. Persediaan wang pula merupakan jumlah wang yang disedia oleh kerajaan atau disimpan untuk pembangunan ekonomi negara. Agregat kewangan biasa dibahagikan kepada tiga kelas iaitu M1, M2 dan M3 mengikut skop penjelasan paling sempit iaitu M1 sehingga yang paling luas M3. Jumlah simpanan wang negara yang mewakili agregat kewangan M2 akan digunakan bagi tujuan kajian penyelidikan ini. Penjelasan agregat-agregat kewangan adalah seperti beriku:

- M1: Jumlah gabungan aset wang yang paling cair (*liquid*) yang terdapat pada pusat bank negara dan pasaran ekonomi. Khasnya bagi mata wang kertas dan syiling yang berada di pasaran. Jumlah wang ini mengkuantifikasikan semua wang yang berada dalam edaran pasaran.
- M2: Nilai M1 ditambahkan dengan jumlah simpanan semasa seperti wang yang terdapat dalam dana wang institusi swasta. M2 ini juga merupakan petunjuk yang digunakan dalam peramalan inflasi.
- M3: Nilai M2 ditambahkan dengan jumlah wang yang bukan dalam akaun semasa seperti wang dalam dana kerajaan dan perjanjian kontrak yang mempunyai nilai di pasaran.

**(d) Kadar Pertukaran Mata Wang (KPMW)**

Dalam bidang kewangan, kadar pertukaran antara dua matawang yang menentukan berapa nilai satu mata wang dari segi satu mata wang yang lain. Contohnya, kadar pertukaran 3.45 ringgit Malaysia (MYR,RM) ke satu dolar Amerika Syarikat (USD,\$) bermaksud RM3.45 sama nilainya dengan USD \$1.

### **(e) Indeks Komposit Kuala Lumpur (IKKL)**

Indeks Komposit Kuala Lumpur (IKKL) merupakan indeks pasaran saham umumnya yang diterima sebagai pengukur pasaran saham tempatan. Diperkenalkan pada tahun 1986 untuk memenuhi keperluan satu indeks pasaran saham yang akan memberikan khidmat sebagai suatu penunjuk prestasi pasaran saham Malaysia. Ia digunakan sebagai pengukur indeks utama bagi pasaran saham Malaysia.

### **1.6 Objektif**

Objektif kajian dapat diringkaskan seperti berikut:

- (a) Mengenal pasti impak ekonomi yang akan dialami ekoran dari krisis kewangan Amerika Syarikat.
- (b) Menganalisiskan hubungan dinamik antara pembolehubah-pembolehubah ekonomi iaitu indeks pengeluaran perindustrian, indeks harga pengguna, simpanan wang negara, kadar pertukaran mata wang, dan indeks komposit Kuala Lumpur.
- (c) Melakukan peramalan terhadap ekonomi Malaysia bagi tahun 2009 melalui analisis data pembolehubah-pembolehubah ekonomi.

### **1.7 Batasan Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat lima pembolehubah-pembolehubah yang hendak dikaji iaitu indeks pengeluaran perindustrian, indeks harga pengguna, simpanan wang negara, kadar pertukaran mata wang dan indeks komposit kuala lumpur. Data-data mengenai pembolehubah-pembolehubah tersebut dikumpul melalui laman web utama Bank Negara Malaysia<sup>2</sup>. Perisian yang digunakan untuk analisis ialah *Stata 10*.

---

<sup>2</sup> <http://www.bnm.gov/>

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Kajian VAR Melibatkan Indeks Pengeluaran Perindustrian

Tang (2006) telah mengaplikasikan model VAR yang melibatkan 12 pembolehubah-pembolehubah untuk menguji kekuatan relatif bagi setiap saluran polisi kewangan yang dijalankan di Malaysia mengenai pertukaran wang, harga assets, indeks pengeluaran perindustrian, kadar faedah dan kredit ekonomi. Dalam kajiannya, beliau membandingkan keputusan dua hipotesis iaitu impuls tindak balas garis dasar (*baseline impulse response*) dengan impuls tindak balas terbatas (*constrained impulse response*). Kajian ini menunjukkan apabila salah satu daripada saluran polisi kewangan dikawal, didapati kadar faedah merupakan faktor paling penting dalam mempengaruhi KDNK dan kadar inflasi. Manakala harga aset dan inflasi pula dipengaruhi oleh kadar pertukaran wang.

Fauzias Mat Nor, *et al.*, (1999) yang mengkaji kesan matawang yang melanda negara ASEAN. Dalam kajian ini, kesan daripada krisis matawang yang melanda beberapa negara ASEAN menunjukkan pemahaman pergerakan mata wang serantau adalah penting. Selaras dengan peningkatan minat ke atas krisis mata wang Asia Tenggara, kertas ini mengkaji hubungan di antara beberapa matawang utama negara-negara ASEAN iaitu Bhat Thai (THB), Ringgit Malaysia (MYR), Dollar Singapura (SGD), Rupiah Indonesia (RP) dan Peso Filipina (PHP) dengan menggunakan ujian

kointegrasi bagi menentukan dinamik jangka panjang di antara mata wang tersebut. Keputusan menunjukkan bahawa matawang-matawang tersebut adalah tidak pegundan terdapat sekurang-kurangnya empat vektor kointegrasi bagi tempoh sebelum dan semasa krisis mata wang. Ujian Granger sebab-akibat menunjukkan Ringgit Malaysia seolah-olah menjadi penyebab yang membawa pengaruh ke atas matawang ASEAN yang lain. Walau bagaimanapun, kaedah penguraian varians serta autoregresi vektor multivariat menunjukkan bahawa maklumat lepas mengenai setiap matawang banyak menyumbang terhadap kesilapan ramalan masing-masing.

## 2.2 Kajian VAR Melibatkan Agregat Kewangan

Estrella dan Mishkin (1997), telah mengkaji peranan agregat kewangan dalam perlaksanakan dasar kewangan di negara Amerika Syarikat. Kajian ini memfokuskan sasaran asas kewangan dan agregat kewangan M2. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menguji M1 yang sering digunakan oleh pengkaji lepas sebagai sasaran agregat kewangan yang sesuai. Kajian ini menggunakan analisis multivariat vektor autoregresi (multivariate vector autoregression- VAR) yang mengandungi pembolehubah pendapatan nominal, inflasi dan asas kewangan M2. Kaedah *Granger-Sims causality* telah digunakan dalam kajian ini untuk melihat arah penyebab setiap pembolehubah. Hasil kajian mendapati asas kewangan adalah signifikan pada aras keertian 5 peratus dan menjadi penyebab Granger kepada perubahan pendapatan dan tingkat harga, manakala pendapatan dan inflasi tidak menjadi penyebab Granger kepada asas kewangan . Bagi M2 pula, ia tidak dapat menolong menerangkan masalah inflasi dan pertumbuhan ekonomi tetapi inflasi dan pertumbuhan nominal yang menerangkan pertumbuhan M2. Kajian yang sama juga dijalankan di Negara Jerman, Bank Pusat Jerman (Bundesbank) yang memfokuskan M3 sebagai sasaran agregat kewangan. Hasil kajian mendapati M3 mempunyai peranan yang kuat untuk meramalkan pertumbuhan ekonomi negara Jerman tetapi tidak dapat meramalkan hubungannya dengan inflasi.

Kajian Koren, *et al.*, (1998), cuba menguji kesahihan dua hipotesis iaitu hipotesis cukai dan belanja (*tax and spend*) dan hipotesis belanja dan cukai (*spend and*

*tax*) dengan menggunakan data di sembilan buah negara industri. Kajian tersebut menggunakan model VAR dalam struktur tiga pembolehubah yang terdiri daripada perbelanjaan, hasil dan pendapatan agregat (GDP). Kaedah fungsi tindak balas (*impulse response functions*) telah digunakan untuk mengenalpasti hubungan sebab menyebab antara penerimaan hasil dengan perbelanjaan. Hasil kajian tersebut menyokong pandangan belanja dan cukai (*spend and tax view*) dalam proses keputusan belanjawan. Ini menunjukkan proses belanjawan didominasikan di sebelah perbelanjaan (*expenditure side*) bagi negara Itali, Austria dan Perancis. Sebaliknya, hipotesis cukai dan belanja (*tax and spend hypothesis*) wujud di United Kingdom, Belanda, Jerman dan Amerika Syarikat. Ini menunjukkan perancangan belanjawan didominasikan di sebelah penerimaan hasil cukai ebelum membuat keputusan perbelanjaan.

### 2.3 Kajian VAR Melibatkan Indeks Harga Pengguna

Bulmash dan Trivoli (1991) telah mengkaji hubungan di antara pasaran saham dan aktiviti ekonomi di Amerika Syarikat dengan menggunakan beberapa pembolehubah ekonomi yang utama dalam kajian mereka. Disebabkan faktor ekonomi mempunyai kesan '*time-related*' dengan harga saham, model yang dibentuk dibahagikan kepada tiga fasa yang utama iaitu jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Kadar faedah yang diukur menggunakan kadar bil serta bon perbendaharaan. Didapati hubungannya adalah signifikan dan mempunyai hubungan yang negatif dengan harga saham. Apabila kadar faedah meningkat, ia akan memberi peluang pelaburan alternatif kepada pelabur. Pelabur akan beralih daripada saham kepada bil atau bon perbendaharaan seterusnya menyebabkan harga saham jatuh. Indeks harga pengguna (*Consumer Price Index*) pula digunakan untuk mengukur kesan kadar inflasi terhadap harga saham. Kadar inflasi tidak memberi kesan yang banyak terhadap harga saham dalam jangka masa pendek. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa panjang, jangka masa-jangka masa yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi peningkatan kadar inflasi memberi kesan yang negatif terhadap harga saham. Peningkatan kadar faedah dalam jangka masa panjang pula memberi kesan secara tidak langsung terhadap harga saham.

## 2.4 Kajian VAR Melibatkan Kadar Pertukaran Wang

Choi dan Park (2007) telah mengaplikasikan model VAR untuk mengkaji hubungan sebab akibat (*causal relation*) antara kadar faedah dan kadar pertukaran wang bagi krisis matawang Asia. Antara negara yang dikaji ialah Indonesia, Korea, Malaysia dan Thailand. Keputusan kajian mereka membuktikan sebahagian data yang dikaji di Malaysia menunjukkan kadar faedah merupakan faktor paling utama mempengaruhi kadar pertukaran wang. Keadaan di Korea juga menunjukkan analisis yang sama seperti keadaan di Malaysia. Tetapi, keputusan yang dikaji dari data Thailand tidak menunjukkan hubungan sebab akibat antara kadar faedah dan kadar pertukaran wang.

Yuko (2001) turut menggunakan model VAR untuk menguji hubungan perilaku antara pembolehubah-pembolehubah makroekonomi asas di empat negara Asia bagi masa sebelum tempoh krisis tahun 1997. Kajian beliau menunjukkan peningkatan atau penurunan kadar faedah tempatan akan membawa kesan yang berterusan terhadap pembolehubah-pembolehubah makroekonomi asas negara masing-masing, seperti kadar pertukaran wang, KDNK, dan nisbah akaun KDNK sekarang (*current account-GDP ratio*).

## 2.5 Kajian VAR Melibatkan Indeks Komposit Negara Asing

Chung dan Tai (1997) telah menjalankan kajian untuk menentukan sama ada pembolehubah makroekonomi mempunyai hubungan dengan pulangan pasaran saham di Korea. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan data bulanan *Korea Composite Stock Price Index* (KOSPI) dan *Small-size Stock Price Index* (SMLS) dari tempoh Januari 1980 hingga Disember 1992. Pembolehubah ekonomi yang digunakan dalam kajian ini ialah imbangan dagangan, kadar pertukaran asing, indeks pengeluaran perindustrian dan penawaran wang. Model yang digunakan dalam kajian ini ialah model *vector error correction*. Vector error correction merupakan satu cabang dari model VAR. Daripada kajian mereka, didapati satu set pembolehubah ekonomi iaitu imbangan dagangan, kadar pertukaran asing, indeks pengeluaran perindustrian dan

penawaran wang mempunyai hubungan positif dengan KOSPI dan SMLS dalam jangka masa panjang. Namun begitu, apabila keempat-empat pembolehubah bebas ini diuji secara individu, didapati ia tidak mempunyai sebarang hubungan dengan KOSPI dan SMLS.

Apergis, *et al.*, (1997) dalam kajian mereka telah mengkaji secara ekonometrik hubungan antara indeks harga pasaran saham dengan tiga kadar pertukaran iaitu Dollar U.S, Deutsche Mark, dan ECU. Analisis yang dijalankan merangkumi tempoh dari Januari 1992 hingga Oktober 1996 dengan menggunakan data harian daripada *Athens Stock Exchange Price Index*. Kajian beliau menunjukkan bahawa perubahan yang tinggi dalam kadar faedah akan menyebabkan ketidakstabilan pada harga indeks domestik. Justeru itu, ketidakstabilan pada kedua-dua pasaran pertukaran deutsche mark dan ECU menunjukkan pengaruh yang sedikit ke atas harga saham. Sementara itu, pasaran pertukaran USD mempunyai hubungan yang positif dengan pasaran saham.

Michael, *et al.*, (1995) telah mengkaji hubungan antara indeks saham tunai dan pasaran hadapan dengan menggunakan pendekatan kointegrasi yang berkaitan dengan model VAR. Indeks saham tunai yang digunakan ialah *Standard and Poor's 500* (S&P 500) manakala pasaran hadapan pula ialah indeks niaga hadapan bagi tempoh 3 bulan dan 6 bulan. Data yang digunakan adalah data harga indeks saham S&P 500 dan kontrak indeks niaga hadapan S&P 500 bagi tempoh 3 bulan dan 6 bulan yang diperolehi daripada *Chicago Mercantile Exchange*. Tempoh kajian ialah dari Januari 1987 hingga Mac 1987 bagi urusniaga yang bermula selepas pukul 8.40 am (CST) dan berakhir pada pukul 3.00 pm (CST). Hasil kajian ini mendapati kedua-dua indeks semasa dan indeks niaga hadapan bagi tempoh 3 bulan dan 6 bulan yang diuji menggunakan pendekatan kointegrasi mempunyai hubungan yang cekap dalam pasaran.

## 2.6 Kajian VAR Melibatkan Faktor Kewangan

Fasano, *et al.*, (2002), cuba menguji kesahihan ketiga-tiga hipotesis dengan menggunakan data negara yang menganggotai *Gulf Cooperation Council (GCC)* iaitu terdiri daripada Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu. Kajian ini mengaplikasikan model ekonometrik siri masa seperti kaedah kointegrasi Johansen, ujian sebab menyebab Granger, penghuraian varians dan fungsi tindak balas. Hasil kajian mendapati hubungan arah sebab menyebab sehala daripada hasil kepada perbelanjaan wujud di Bahrain, Emiriyah Arab Bersatu dan Oman iaitu menyokong hipotesis hasil-belanja (*revenue-spend hypothesis*). Di samping itu, hubungan arah sebabmenyebab dua hala antara hasil dengan perbelanjaan wujud di Qatar, Arab Saudi dan Kuwait yang menyokong '*fiscal synchronization hypothesis*'.

Kim (2007) menyatakan bahawa rangka kerja vektor autoregresi adalah agak sesuai digunakan untuk menguji faktor simetri terhadap pengubahaian yang disebabkan gangguan makroekonomi. Dalam kertas kajiannya, beliau menggunakan tiga jenis model VAR untuk menguji gannguan makroekonomik yang berlaku dalam negara ASEAN (Filipina, Indonesia, Thailand, Singapura, dan Malaysia), China, Jepun dan Korea bagi tempoh masa bermula 1981 hingga 2005. Kajian menunjukkan bahawa sekiranya ingin menwujudkan polisi kewangan yang sekutu antara negara ASEAN, ini akan mengakibatkan kos pengubahaian yang tinggi. Ini disebabkan tahap gangguang makroekonomi yang dialami oleh setiap negara ASEAN yang berasingan adalah tidak sama.

Suleiman dan Azmer (2007) telah menggunakan rangka kerja VAR dengan penambahan pembolehubah tambahan. Mereka turut mengambil empat ukuran yang berbeza bagi mengukur pembangunan kewangan. Ujian yang digunakan ialah ujian kointegrasi dan vektor pembetulan ralat (*vector error-correction, VEC*). Keputusan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pertumbuhan kewangan adalah penyebab utama pertumbuhan ekonomi melalui pertambahan sumber pelaburan dan juga menambahkan kecekapan pelaburan.

## BAB 3

### METODOLOGI

Menurut kajian Bagshaw (1987) yang berkenaan perbandingan peramalan antara ARIMA, MARIMA dan VAR, menunjukan VAR mempunyai dua keistimewaan berbanding dengan yang lain. Salah satu kelebihannya ialah VAR memberikan peramalan yang lebih tepat kerana ia melibatkan lebih banyak sumber faktor untuk dikaji. Kelebihan kedua ialah VAR boleh dikaji semula selepas penambahan faktor yang baru tanpa pengiraan yang kompleks. Oleh itu, model VAR dijadikan metodologi utama untuk kajian ini. Secara am, terdapat 5 ujian-ujian yang berkaitan dengan model VAR dibentuk untuk mengkaji hubungan dinamik yang wujud antara pembolehubah-pembolehubah yang hendak dianalisis.

#### 3.1 Vektor Autoregresi (VAR)

Suatu model VAR( $p$ ) boleh ditulis seperti persamaan (3.1) merujuk kepada Madola (2001).

$$y_t = c + A_1 y_{t-1} + A_2 y_{t-2} + \dots + A_p y_{t-p} + e_t \quad (3.1)$$

iaitu

$c$  :pintasan iaitu  $k \times 1$  vektor.

$A_i$  : $k \times k$  matriks

$e_t$  : $k \times 1$  vektor ralat

Vektor ralat dalam persamaan (3.1) harus memenuhi ketiga-tiga syarat berikut:

Setiap ralat mempunyai  $\min$  yang bersamaan dengan 0, iaitu:

$$E(e_t) = 0 \quad (3.2)$$

Kovariance bagi matriks ialah  $\Omega$  dimana adalah satu  $n \times n$  matriks positif terhingga), iaitu:

$$E(e_t e_t') = \Omega \quad (3.3)$$

Bagi sebarang  $k \neq 0$ , tidak ada sebarang korelasi bersiri antara individu ralat, iaitu

$$E(e_t e_{t-k}') = 0 \quad (3.4)$$

### 3.2 Akaike Information Criteria (AIC)

Tempoh panjang lag yang optimun perlu ditentukan untuk memastikan sebutan ralat (3.1) adalah bersifat gangguan putih (*white noise*) seperti yang dibincangkan oleh Akaike (1974). Panjang lat yang optimum boleh ditentukan dengan menggunakan kaedah *Akaike Information Criteria* (AIC). Bilangan lag yang optimum mempunyai nilai AIC yang paling minimum. Formula AIC adalah seperti persamaan (3.5) berikut:

$$AIC = -2\left(\frac{l}{T}\right) + \frac{2k_{\max}}{T} \quad (3.5)$$

iaitu

$l$  : bilangan parameter.

$T$  : bilangan pembolehubah-pembolehubah di sebelah kanan persamaan termasuk pintasan.

$k_{\max}$  :  $\text{int}\left(12\left(\frac{T}{100}\right)^{\frac{1}{4}}\right)$

### 3.3 Ujian Augmented Dickey Fuller (ADF)

Kaedah yang paling popular digunakan untuk mengkaji kepegunaan dan menentukan darjah integrasi setiap siri masa ialah *Augmented Dickey Fuller test* (ADF) yang diperkenalkan oleh Said dan Dickey (1984). Kaedah ADF diuji melalui menggunakan persamaan regresi (3.6).

$$\Delta y_t = \alpha y_{t-1} + x_t^\delta + \beta_1 \Delta y_{t-1} + \beta_2 \Delta y_{t-2} + \dots + \beta_p \Delta y_{t-p} + v_t \quad (3.6)$$

iaitu

$\Delta y_t$  :Perbezaan  $(y_t - y_{t-1})$  untuk siri masa  $y_t$

$\alpha$  :Pekali bagi  $y_{t-1}$

$x_t^\delta$  :Pekali anggaran kecerunan

$y_{t-1}$  :Pembolehubah siri masa

$\delta$  :Pekali anggaran pada peringkat  $p$

$\Delta y_{t-p}$  :Perbezaan peringkat  $p$  bagi  $(y_{t-p-1} - y_{p-1})$  untuk siri masa  $y_t$

$v_t$  :Sebutan ralat

Hipotesis yang dikaji dalam kaedah ADF adalah seperti berikut:

$$H_0 : \alpha = 0 \text{ (data yang dikaji mengandungi } unit root \text{ iaitu tidak pegun)} \quad (3.7)$$

$$H_1 : \alpha \neq 0 \text{ (data yang dikaji tidak mengandungi } unit root \text{ iaitu pegun)} \quad (3.8)$$

Penolakan dan penerimaan hipotesis ditentukan dengan membandingkan nilai nisbah  $t$  (*t ratio*) terhadap nilai kritikal MacKinnon pada aras keertian 1%, 5% atau 10%.

Rumus nilai nisbah  $t$  bagi  $\alpha$  seperti persamaan (3.9) berikut:

$$t_\alpha = \frac{\hat{\alpha}}{\left( se(\hat{\alpha}) \right)} \quad (3.9)$$

iaitu:

$\hat{\alpha}$  :Anggaran bagi  $\alpha$

$$se\left(\hat{\alpha}\right) \quad : \text{Pemalar ralat piawai}$$

Sekiranya nilai nisbah  $t$  lebih kecil daripada nilai kritikal MacKinnon, maka parameter  $\beta_p$  ini adalah signifikan pada aras keertian tertentu. Ini bermaksud bahawa siri masa  $y$  adalah pegun pada peringkat pembezaan tertentu. Di sebaliknya, jika nilai nisbah  $t$  lebih besar daripada nilai kritikal MacKinnon pada aras keertian tertentu, maka parameter  $\beta_p$  adalah tidak signifikan iaitu siri masa  $y$  tersebut adalah tidak pegun. Dengan demikian, ujian ADF akan diulang semula dengan meningkatkan pembezaan sehingga siri masa yang ingin dikaji mencapai kepegunaan iaitu berjaya menolak hipotesis nol.

### 3.4 Ujian Kointegrasi Johansen

Ujian kointegrasi yang digunakan ialah ujian kointegrasi Johansen seperti yang diperkenalkan oleh Johansen (1988). Ujian ini adalah berdasarkan persamaan (3.10) berikut:

$$y_t = A_1 y_{t-1} + \dots + A_p y_{t-p} + Bx_t + \varepsilon_t \quad (3.10)$$

iaitu

- $y$  :vektor  $k$  bagi pembolehubah tidak pegun
- $x_t$  :vektor  $d$  bagi pembolehubah penentu.
- $\varepsilon_t$  :vektor inovasi

Ujian kointegrasi ini adalah berdasarkan kepada dua nilai statistik ujian iaitu statistik ujian *trace* ( $\lambda_{trace}$ ) dan statistik ujian mak ( $\lambda_{mk}$ ). Nilai statistik ujian ini kemudiannya akan dibandingkan dengan nilai kritikal yang diperolehi daripada Osterwald-Lenum (1992). Sekiranya nilai statistik ujian lebih besar daripada nilai kritikal ini pada aras keertian tertentu, maka wujud kointegrasi di kalangan pembolehubah yang terdapat dalam sistem. Bagi mengetahui hubungan kointegrasi

pula, keadaan  $r$  akan diuji bermula dari  $r = 0$  sehingga  $r = k - 1$  iaitu sehingga gagal untuk menolak andaian yang dibuat berdasarkan andaian keadaan  $r$ .

### 3.5 Ujian Sebab-Menyebab Granger

Ujian sebab-menyebab Granger menguji kesan pegaruh pembolehubah bersandar terhadap pembolehubah tidak bersandar merujuk kepada Granger (1969). Ujian ini diuji berdasarkan model vektor pembetulan ralat (VECM) seperti yang ditunjukkan oleh persamaan (3.11), (3.12), (3.13), (3.14) dan (3.15) berikut:

$$\begin{aligned} \Delta KPMW_t = & \alpha_{10} + \lambda_{KPMW} \hat{\varepsilon}_{t-1} + \sum_{i=1}^n \delta_{1i} \Delta KPMW_{t-i} + \sum_{i=1}^n \phi_{1i} \Delta SWN_{t-i} \\ & + \sum_{i=1}^n \gamma_{1i} \Delta IHP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \psi_{1i} \Delta IPP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \theta_{1i} \Delta IKKL_{t-i} + \nu_{1t} \end{aligned} \quad (3.11)$$

$$\begin{aligned} \Delta SWN_t = & \alpha_{20} + \lambda_{SWN} \hat{\varepsilon}_{t-1} + \sum_{i=1}^n \delta_{2i} \Delta KPMW_{t-i} + \sum_{i=1}^n \phi_{2i} \Delta SWN_{t-i} \\ & + \sum_{i=1}^n \gamma_{2i} \Delta IHP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \psi_{2i} \Delta IPP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \theta_{2i} \Delta IKKL_{t-i} + \nu_{2t} \end{aligned} \quad (3.12)$$

$$\begin{aligned} \Delta IHP_t = & \alpha_{30} + \lambda_{IHP} \hat{\varepsilon}_{t-1} + \sum_{i=1}^n \delta_{3i} \Delta KPMW_{t-i} + \sum_{i=1}^n \phi_{3i} \Delta SWN_{t-i} \\ & + \sum_{i=1}^n \gamma_{3i} \Delta IHP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \psi_{3i} \Delta IPP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \theta_{3i} \Delta IKKL_{t-i} + \nu_{3t} \end{aligned} \quad (3.13)$$

$$\begin{aligned} \Delta IPP_t = & \alpha_{40} + \lambda_{IPP} \hat{\varepsilon}_{t-1} + \sum_{i=1}^n \delta_{4i} \Delta KPMW_{t-i} + \sum_{i=1}^n \phi_{4i} \Delta SWN_{t-i} \\ & + \sum_{i=1}^n \gamma_{4i} \Delta IHP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \psi_{4i} \Delta IPP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \theta_{4i} \Delta IKKL_{t-i} + \nu_{4t} \end{aligned} \quad (3.14)$$

$$\begin{aligned} \Delta IKKL_t = & \alpha_{50} + \lambda_{IKKL} \hat{\varepsilon}_{t-1} + \sum_{i=1}^n \delta_{5i} \Delta KPMW_{t-i} + \sum_{i=1}^n \phi_{5i} \Delta SWN_{t-i} \\ & + \sum_{i=1}^n \gamma_{5i} \Delta IHP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \psi_{5i} \Delta IPP_{t-i} + \sum_{i=1}^n \theta_{5i} \Delta IKKL_{t-i} + \nu_{5t} \end{aligned} \quad (3.15)$$

Simbol  $\Delta$  adalah pembezaan pertama, KPMW ialah kadar pertukaran mata wang, SWN ialah simpanan wang negara, IHP ialah indeks harga pengguna, IPP ialah indeks pengeluaran perindustrian dan IKKL ialah indeks komposit Kuala Lumpur.

Sebutan  $\hat{\varepsilon}_{t-1}$  ialah sebutan pembetulan ralat tertangguh iaitu ralat daripada persamaan vektor kointegrasi yang dihasilkan oleh ujian kointegrasi Johansen. Sekiranya ujian kointegrasi yang telah diterangkan di atas membuktikan bahawa tiada kointegrasi, sebutan pembetulan ralat tertangguh ini akan disingkirkan daripada persamaan VECM di atas. Sebagai tambahan, oleh kerana setiap persamaan mempunyai set pembolehubah penerang yang sama, maka anggaran dengan menggunakan kaedah OLS ke atas model VECM akan menghasilkan penganggar yang cekap. Kelebihan analisis dengan menggunakan model VECM adalah ia dapat mengasingkan kesan jangka pendek dan jangka panjang sesuatu pembolehubah penerang terhadap pembolehubah bersandar. Kesan jangka panjang pembolehubah penerang terhadap pembolehubah bersandar dapat ditentukan melalui sebutan pembetulan ralat tertangguh. Koefisien  $\lambda_{KPMW}$  akan mengukur kesan jangka panjang SWN, IHP, IPP dan IKKL terhadap KPMW. Koefisien  $\lambda_{SWN}$  pula akan mengukur kesan jangka panjang KPMW, IHP, IPP dan IKKL terhadap SWN. Manakala  $\lambda_{IHP}$  pula mengukur kesan jangka panjang KPMW, SWN, IPP dan IKKL terhadap IHP. Koefisien  $\lambda_{IPP}$  mengukur kesan jangka panjang KPMW, SWN, IHP dan IKKL terhadap IPP. Koefisien  $\lambda_{IKKL}$  mengukur kesan jangka panjang KPMW, SWN, IHP dan IPP terhadap IKKL. Statistik ujian  $t$  akan digunakan untuk menguji hipotesis berikut:

$$\begin{array}{lll}
 H_0 : \lambda_{KPMW} = 0 & \text{melawan} & H_1 : \lambda_{KPMW} \neq 0 \\
 H_0 : \lambda_{SWN} = 0 & \text{melawan} & H_1 : \lambda_{SWN} \neq 0 \\
 H_0 : \lambda_{IHP} = 0 & \text{melawan} & H : \lambda_{IHP} \neq 0 \\
 H_0 : \lambda_{IPP} = 0 & \text{melawan} & H : \lambda_{IPP} \neq 0 \\
 H_0 : \lambda_{IKKL} = 0 & \text{melawan} & H : \lambda_{IKKL} \neq 0
 \end{array} \tag{3.16}$$

Untuk memudahkan analisis, nilai  $p$  bagi statistik ujian  $t$  akan dibandingkan dengan aras keertian 5 peratus atau 10 peratus. Sekiranya nilai  $p$  ini lebih kecil daripada aras keertian, maka hipotesis nol akan ditolak dan jika nilai  $p$  lebih besar daripada aras keertian maka hipotesis nol akan gagal ditolak. Penolakan  $H_0 : \lambda_{KPMW} = 0$  bermaksud SWN, IHP, IPP dan IKKL adalah penyebab Granger

jangka panjang kepada KPMW, manakala penolakan  $H_0 : \lambda_{SWN} = 0$  bermaksud KPMW, IHP, IPP dan IKKL adalah penyebab Granger jangka panjang kepada SWN. Penolakan  $H_0 : \lambda_{IHP} = 0$  bermaksud KPMW, SWN, IPP dan IKKL adalah penyebab Granger jangka panjang kepada IHP. Penolakan  $H_0 : \lambda_{IPP} = 0$  bermaksud KPMW, SWN, IHP dan IKKL adalah penyebab Granger jangka panjang kepada IPP. Penolakan  $H_0 : \lambda_{IKKL} = 0$  bermaksud KPMW, SWN, IHP dan IPP adalah penyebab Granger jangka penjang kepada IKKL.

Hubungan sebab-menyebab Granger jangka pendek pula akan dapat dilihat melalui ujian wald (statistik  $F$ ) terhadap sekumpulan koefisien tertentu seperti berikut:

Daripada persamaan (3.11)

$$\begin{array}{ll}
 H_0 : \phi_{11} = \phi_{12} = \dots = \phi_{1n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \phi_{11} = \phi_{12} = \dots = \phi_{1n} \neq 0 & \\
 H_0 : \gamma_{11} = \gamma_{12} = \dots = \gamma_{1n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \gamma_{11} = \gamma_{12} = \dots = \gamma_{1n} \neq 0 & \\
 H_0 : \psi_{11} = \psi_{12} = \dots = \psi_{1n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \psi_{11} = \psi_{12} = \dots = \psi_{1n} \neq 0 & \\
 H_0 : \theta_{11} = \theta_{12} = \dots = \theta_{1n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \theta_{11} = \theta_{12} = \dots = \theta_{1n} \neq 0 &
 \end{array}$$

Daripada persamaan (3.12)

$$\begin{array}{ll}
 H_0 : \delta_{21} = \delta_{22} = \dots = \delta_{2n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \delta_{21} = \delta_{22} = \dots = \delta_{2n} \neq 0 & \\
 H_0 : \gamma_{21} = \gamma_{22} = \dots = \gamma_{2n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \gamma_{21} = \gamma_{22} = \dots = \gamma_{2n} \neq 0 & \\
 H_0 : \psi_{21} = \psi_{22} = \dots = \psi_{2n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \psi_{21} = \psi_{22} = \dots = \psi_{2n} \neq 0 & \\
 H_0 : \theta_{21} = \theta_{22} = \dots = \theta_{2n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \theta_{21} = \theta_{22} = \dots = \theta_{2n} \neq 0 &
 \end{array}$$

Daripada persamaan (3.13)

$$\begin{array}{ll}
 H_0 : \delta_{31} = \delta_{32} = \dots = \delta_{3n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \delta_{31} = \delta_{32} = \dots = \delta_{3n} \neq 0 & \\
 H_0 : \phi_{31} = \phi_{32} = \dots = \phi_{3n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \phi_{31} = \phi_{32} = \dots = \phi_{3n} \neq 0 & \\
 H_0 : \psi_{31} = \psi_{32} = \dots = \psi_{3n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \psi_{31} = \psi_{32} = \dots = \psi_{3n} \neq 0 & \\
 H_0 : \theta_{31} = \theta_{32} = \dots = \theta_{3n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \theta_{31} = \theta_{32} = \dots = \theta_{3n} \neq 0 &
 \end{array}$$

Daripada persamaan (3.14)

$$\begin{array}{ll}
 H_0 : \delta_{41} = \delta_{42} = \dots = \delta_{4n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \delta_{41} = \delta_{42} = \dots = \delta_{4n} \neq 0 & \\
 H_0 : \phi_{41} = \phi_{42} = \dots = \phi_{4n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \phi_{41} = \phi_{42} = \dots = \phi_{4n} \neq 0 & \\
 H_0 : \gamma_{41} = \gamma_{42} = \dots = \gamma_{4n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \gamma_{41} = \gamma_{42} = \dots = \gamma_{4n} \neq 0 & \\
 H_0 : \psi_{41} = \psi_{42} = \dots = \psi_{4n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \psi_{41} = \psi_{42} = \dots = \psi_{4n} \neq 0 & \\
 H_0 : \theta_{41} = \theta_{42} = \dots = \theta_{4n} = 0 & \text{melawan} \\
 H_1 : \theta_{41} = \theta_{42} = \dots = \theta_{4n} \neq 0 &
 \end{array}$$

Daripada persamaan (3.15 )

$$\begin{aligned} H_0 : \delta_{s1} = \delta_{s2} = \dots = \delta_{sn} = 0 & \text{ melawan} \\ H_0 : \phi_{s1} = \phi_{s2} = \dots = \phi_{sn} = 0 & \text{ melawan} \\ H_0 : \gamma_{s1} = \gamma_{s2} = \dots = \gamma_{sn} = 0 & \text{ melawan} \\ H_0 : \psi_{s1} = \psi_{s2} = \dots = \psi_{sn} = 0 & \text{ melawan} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} H_0 : \delta_{s1} = \delta_{s2} = \dots = \delta_{sn} \neq 0 & \\ H_0 : \phi_{s1} = \phi_{s2} = \dots = \phi_{sn} \neq 0 & \\ H_0 : \gamma_{s1} = \gamma_{s2} = \dots = \gamma_{sn} \neq 0 & \\ H_0 : \psi_{s1} = \psi_{s2} = \dots = \psi_{sn} \neq 0 & \end{aligned}$$

Sebagaimana ujian  $t$  di atas, nilai  $p$  bagi statistik  $F$  ini juga akan dibandingkan dengan aras keertian 5 peratus atau 10 peratus. Jika nilai  $p$  ini lebih kecil daripada aras keertian, maka hipotesis nol akan ditolak dan sekiranya nilai  $p$  lebih besar daripada aras keertian, maka hipotesis nol akan gagal ditolak. Daripada persamaan (3.16), penolakan  $H_0 : \phi_{11} = \phi_{12} = \dots = \phi_{1n} = 0$  bermaksud SWN adalah penyebab Granger jangka pendek kepada KPMW manakala penolakan  $H_0 : \gamma_{11} = \gamma_{12} = \dots = \gamma_{1n} = 0$  pula membawa maksud I HP adalah penyebab Granger jangka pendek kepada KPMW. Kaedah yang sama juga digunakan keatas persamaan (3.17), (3.18), (3.19) dan (3.20).

### 3.6 Penguraian Varians Cholesky

